

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK [SIMPANG RENGGAM]

TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DR. MASZLEE BIN MALIK [SIMPANG RENGGAM] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan komitmen dan perancangan pihak Kementerian untuk menaik taraf Klinik Kesihatan di Simpang Renggam agar rakyat di kawasan ini tidak perlu pergi jauh ke Hospital Kluang untuk mendapatkan rawatan dan kemudahan kesihatan yang lebih baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Kesihatan Negeri Johor sentiasa berusaha untuk menambah baik tahap kualiti perkhidmatan kesihatan di negeri Johor. Pihak Jabatan sentiasa memastikan perkhidmatan kesihatan diberikan selari dengan keperluan penduduk. Dengan itu, Jabatan sentiasa mengkaji dari masa ke semasa keperluan tambahan perkhidmatan kesihatan bagi penduduk khususnya di Simpang Renggam.
2. Klinik Kesihatan (KK) Simpang Renggam merupakan **KK jenis 3** yang mula **beroperasi pada tahun 2000**. Pelbagai perkhidmatan disediakan antaranya Kesihatan Ibu, Ante-natal dan Post-natal, Kesihatan Bayi, Kesihatan Warga Emas dan perkhidmatan bagi Pesakit Luar termasuk rawatan penyakit kronik dan penyakit berjangkit.

SOALAN NO : 8

3. Selain itu, KK Simpang Renggam juga menyediakan **Pusat Haemodialis bagi pesakit-pesakit buah pinggang** untuk mereka menjalani dialisis. Seorang Pakar Perubatan Keluarga yang ditempatkan di sini telah membolehkan komuniti mendapat khidmat kepakaran berhampiran dengan mereka.
4. Bagi perkhidmatan kesihatan sekunder, penduduk masih perlu ke Hospital Kluang untuk mendapatkan rawatan. Jarak ke Hospital Kluang yang sejauh **32km dan anggaran perjalanan sekitar 30 minit sahaja** membolehkan penduduk mendapat akses ke perkhidmatan di hospital dengan mudah.
5. Oleh itu, setakat ini, **belum ada keperluan dan keutamaan** untuk menaiktaraf KK Simpang Renggam kerana:
 - a. Klinik ini masih dapat menampung beban kedatangan harian. Purata kedatangan harian ke klinik ini adalah seramai lebih kurang **496 orang sehari (2019)**, berbanding kapasiti sebenar KK Jenis 3 yang boleh menampung lebih dari **500** orang pesakit sehari;
 - b. Selain dari itu, penduduk boleh mendapatkan rawatan di KK yang berdekatan iaitu KK Rengam (13 KM), KK Layang-Layang (26 KM), KK Ayer Hitam (21KM) dan KK Mengkibol (30.6 KM);
 - c. Rawatan sekunder/kes-kes yang teruk boleh dirawat di Hospital Kluang; dan
 - d. Purata kedatangan sehari adalah agak stabil selama tiga (3) tahun walaupun terdapat sedikit peningkatan iaitu seramai 456 pada tahun 2017, 486 pada tahun 2018 dan 496 pada tahun 2019.
6. Namun, untuk makluman YB Simpang Renggam, walaupun belum ada keperluan untuk menaiktaraf KK Simpang Renggam ini, namun dimaklumkan bahawa sebuah Klinik Kesihatan yang baharu iaitu KK Jenis 2 Kluang telah diluluskan untuk pembinaan bermula tahun 2021 dengan

SOALAN NO : 8

anggaran kos sebanyak RM 44 Juta. Klinik Kesihatan ini juga apabila siap kelak akan memberi perkhidmatan dengan kapasiti sehingga 800 orang sehari dan akan di tempatkan dengan Pakar Perubatan Keluarga.

7. Maka, dengan terbinanya KK Jenis 2 Kluang ini, penduduk sekitar akan mempunyai pilihan untuk mendapatkan rawatan sama ada di KK Simpang Rengam atau pun di KK Kluang yang baharu ini, sekaligus mengurangkan beban yang ditanggung oleh KK Simpang Renggam sedia ada.

8. Jabatan Kesihatan Negeri Johor sentiasa berusaha untuk menambah baik tahap kualiti perkhidmatan kesihatan di negeri Johor. Pihak Jabatan sentiasa memastikan perkhidmatan kesihatan diberikan selari dengan keperluan penduduk. Dengan itu, Jabatan sentiasa mengkaji dari masa ke semasa keperluan tambahan perkhidmatan kesihatan bagi penduduk khususnya di Simpang Renggam.

9. Klinik Kesihatan (KK) Simpang Renggam merupakan **KK jenis 3** yang mula **beroperasi pada tahun 2000**. Perkhidmatan yang diberikan adalah komprehensif; merangkumi pelbagai jenis perkhidmatan seperti perkhidmatan Ibu dan Anak, perkhidmatan Pesakit Luar, rawatan penyakit kronik dan penyakit berjangkit, selain daripada perkhidmatan sokongan seperti rehabilitasi, radiologi dan makmal primer.

10. Selain itu, di KK Simpang Renggam juga disediakan Pusat Haemodialis bagi pesakit-pesakit buah pinggang untuk mereka menjalani dialisis. Seorang Pakar Perubatan Keluarga yang ditempatkan di sini telah membolehkan komuniti mendapat khidmat kepakaran berhampiran dengan mereka.

11. Bagi perkhidmatan kesihatan sekunder, penduduk masih perlu ke Hospital Kluang untuk mendapatkan rawatan. Jarak ke Hospital Kluang yang sejauh **32km dan anggaran perjalanan sekitar 30 minit sahaja** membolehkan penduduk mendapat akses ke perkhidmatan di hospital dengan mudah.

SOALAN NO : 8

12. Setakat ini, **tiada keperluan** untuk penaiktarafan bagi KK Simpang Renggam kerana:

- a. Klinik ini masih dapat menampung beban kedatangan harian. Purata kedatangan harian ke klinik ini adalah seramai lebih kurang **300 orang sehari**, berbanding kapasiti sebenar KK Jenis 3 yang boleh menampung **500 - 800** orang pesakit sehari;
- b. Terdapat **lapan (8) buah KK** di dalam seluruh daerah Kluang yang dapat memberikan perkhidmatan di sekitarnya; dan
- c. Rawatan sekunder/kes-kes yang teruk boleh dirawat di Hospital Kluang.

Sekian, terima kasih.